



KERAJAAN MALAYSIA

**ARAHAN YAB PERDANA MENTERI
NO. 1 TAHUN 2009**

SIRI 1 NO. 1 TAHUN 2011

**GERAKAN PEMANTAPAN KEUTUHAN
SISTEM PENGURUSAN PENTADBIRAN KERAJAAN
MALAYSIA:**

**PELAKSANAAN
PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH**

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

28 FEBRUARI 2011

**ARAHAN YAB PERDANA MENTERI
NO. 1 TAHUN 2009**

SIRI 1 NO. 1 TAHUN 2011

**GERAKAN PEMANTAPAN KEUTUHAN
SISTEM PENGURUSAN PENTADBIRAN KERAJAAN
MALAYSIA:**

**PELAKSANAAN
PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH**

Kandungan

1.	Tujuan	1
2.	Latar Belakang	1
3.	Tafsiran	2
4.	Objektif	3
5.	Pembentukan Program Pegawai Integriti Bertauliah	3
6.	Kaedah Pelaksanaan Latihan Program Pegawai Integriti Bertauliah	8
7.	Penutup	10

**ARAHAN YAB PERDANA MENTERI
NO. 1 TAHUN 2009**

SIRI 1 NO. 1 TAHUN 2011

PELAKSANAAN PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH

1. TUJUAN

- 1.1. Arahan ini menetapkan supaya semua Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan mewujudkan Pegawai Integriti Bertauliah/*Certified Integrity Officer* (CeIO) yang berperanan merancang, melaksana dan memantau keberkesanan program-program integriti di kementerian, jabatan dan agensi masing-masing.
- 1.2. Arahan ini juga bertujuan untuk menggalakkan agensi-agensi swasta terlibat sama dalam pelaksanaan Program Pegawai Integriti Bertauliah di organisasi masing-masing.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pada 18 Ogos 2008, Mesyuarat Khas Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah memutuskan supaya Badan Pencegah Rasuah (BPR) menempatkan seorang pegawai kanan sebagai Ketua Pegawai Integriti secara kader di Kementerian, Jabatan serta Agensi tertentu yang dilihat berisiko tinggi terlibat dengan rasuah.
- 2.2. Keputusan tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) Siri 61 Bil. 2/2008 pada tarikh 22 September 2008 dan Siri 62 Bil. 3/2008 pada 3 November 2008 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Mesyuarat tersebut memutuskan supaya BPR memberi khidmat nasihat kepada mana-mana agensi yang ingin mewujudkan Ketua Pegawai Integriti dari dalam agensi itu sendiri.
- 2.3. Menyedari akan keperluan di atas, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia/*Malaysian Anti-Corruption Academy* (MACA) melalui Pusat Pembangunan Integriti Korporat/*Corporate Integrity Development Center* (CIDC) telah merangka satu program khas bagi melahirkan CeIO yang akan dikendalikan sepenuhnya oleh Pusat tersebut.

- 2.4 Program tersebut telah dipersetujui oleh Mesyuarat JKKMKPK pada 30 Mac 2010 dengan keputusan supaya Program Pegawai Integriti Bertauliah dilaksanakan bagi mewujudkan CeIO yang berperanan merancang, melaksana dan memantau keberkesanan program-program integriti di sektor-sektor awam dan swasta.
- 2.5 Usaha pemantapan integriti ini adalah selari dengan usaha kerajaan untuk mempertingkatkan etika dan integriti di sektor awam dan swasta melalui Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dilancarkan pada 23 April 2004. Ianya berupaya melestarikan segala perancangan yang telah digariskan di dalam PIN di mana CeIO akan bertindak sebagai pelaksana program-program pemantapan integriti di setiap agensi.
- 2.6 Kerajaan juga sangat komited kepada usaha pemantapan keutuhan pengurusan dan pentadbiran bagi memastikan jentera pentadbiran Kerajaan terus-menerus cekap, berdisiplin dan berpegang teguh kepada syarat keutuhan yang paling tinggi dengan berpandukan nilai-nilai murni. Usaha ini telah dipanjangkan ke semua peringkat melalui pelaksanaan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) yang beroperasi di peringkat persekutuan dan negeri. Justeru itu, bagi memperkasakan Jawatankuasa tersebut, Program Pegawai Integriti Bertauliah telah dibentuk agar ianya mampu menangani isu integriti sehingga ke peringkat akar umbi.

3. TAFSIRAN

Dalam Arahan ini-

- 3.1 “**Pegawai Integriti Bertauliah/Certified Integrity Officer (CeIO)**” ertinya pegawai yang ditauliahkan oleh Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (LPPIB) setelah memenuhi syarat-syarat perlantikan seperti yang ditetapkan di bawah Arahan ini.
- 3.2 “**Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (LPPIB)**” ertinya Lembaga yang ditubuhkan melalui Arahan ini bagi menilai dan mentauliahkan seseorang sebagai CeIO.
- 3.3 “**Jawatankuasa Tetap Program Pegawai Integriti Bertauliah (JTPIB)**” ertinya Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh LPPIB bagi membantu merangka dan menyelaras latihan program.

- 3.4 **“Pusat Pembangunan Integriti Korporat/Corporate Integrity Development Center (CIDC)”** ertinya Pusat yang diwujudkan di MACA bagi menjalankan program latihan, pentauliahan, pemantauan dan pendaftaran Pegawai Integriti Bertauliah. Pusat ini juga merupakan urus setia kepada LPPIB.
- 3.5 **“Integriti”** ertinya kualiti unggul (kesempurnaan dan keutuhan) yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan organisasi yang berkait erat dengan etika. Ia berlandaskan etika dan pencerminan etika dalam tindakan sehari-hari.
- 3.6 **“Peserta”** ertinya individu/pegawai yang menyertai Latihan Program Pegawai Integriti Bertauliah yang dikendalikan oleh CIDC, MACA.

4. OBJEKTIF

Objektif Program Pegawai Integriti Bertauliah ini adalah untuk:

- 4.1. melahirkan CeIO di dalam sesebuah kementerian atau jabatan kerajaan, badan berkanun dan swasta;
- 4.2 menjadikan ia sebagai program tunggal yang diiktiraf untuk melahirkan CeIO di Malaysia; dan
- 4.3 mengiktiraf CIDC sebagai badan tunggal yang melaksanakan Program Pegawai Integriti Bertauliah.

5. PEMBENTUKAN PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH

5.1 CeIO

Seseorang individu/pegawai boleh dilantik sebagai CeIO sekiranya telah memenuhi syarat-syarat berikut:

5.1.1 Syarat Perlantikan CeIO

Syarat-syarat perlantikan CeIO adalah:

- (a) dicalonkan oleh organisasi;
- (b) mempunyai integriti dan etika yang tinggi;

- (c) melepasi proses tapisan keutuhan SPRM/PDRM/Bahagian Keselamatan/BPA/JPA/Insolvensi;
- (d) pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf dengannya;
- (e) pengalaman kerja tidak kurang daripada 5 tahun serta menunjukkan prestasi perkhidmatan yang cemerlang;
- (f) perakuan dan sokongan dari badan-badan tertentu (jika ada); dan
- (g) menghadiri dengan jayanya Latihan Program Pegawai Integriti Bertauliah dan ditauliahkan oleh LPPIB.

5.1.2 Syarat Khas Perlantikan CeLO

Seseorang individu/pegawai juga boleh dilantik sebagai CeLO oleh LPPIB tanpa perlu menghadiri Latihan Program Pegawai Integriti Bertauliah di CIDC dengan syarat beliau mempunyai kelayakan-kelayakan di para 5.1.1 (a) hingga (f) dan diiktiraf oleh masyarakat atas sumbangan dalam usaha-usaha pemantapan integriti merangkumi hasil penulisan, kegiatan-kegiatan kemasyarakatan, kedudukan sosial dan lain-lain kegiatan yang diiktiraf oleh LPPIB.

5.1.3 Peranan CeLO

CeLO hendaklah mempunyai peranan yang berikut:

- (a) menyelaras dan memantau program integriti;
- (b) melapor sebarang pelanggaran integriti;
- (c) menyelaras tindakan ke atas pelanggaran integriti;
- (d) melaksanakan program pemulihan integriti;
- (e) penghasilan artikel-artikel berkaitan dengan integriti;
- (f) membantu dan menyokong urus setia JKTU;

- (g) menasihati pengurusan dalam aspek integriti;
- (h) memantau sistem penyampaian perkhidmatan;
- (i) bertindak sebagai Pegawai Perhubungan organisasi kepada CIDC; dan
- (j) memastikan pematuhan kepada arahan/peraturan organisasi.

5.1.4 Bagi memastikan fungsi CeO di sesuatu jabatan akan sentiasa berterusan dan mempunyai kesinambungan, setiap kementerian, jabatan dan agensi hendaklah mencalonkan pegawai yang memenuhi syarat seperti di para 5.1 Arahan ini dan sentiasa memastikan kewujudan CeO di tempatnya sentiasa berterusan.

5.2 **Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (LPPIB)**

Bagi menentukan kelancaran pelaksanaan Program ini, hendaklah ditubuhkan satu lembaga yang dikenali sebagai Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (LPPIB).

5.2.1 Keanggotaan LPPIB

- (a) Pengerusi LPPIB adalah Ketua Pesuruhjaya SPRM dan ahli-ahlinya adalah terdiri tidak kurang daripada tujuh (7) anggota yang dilantik oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) bagi tempoh dua (2) tahun atas nasihat Pengerusi LPPIB. Ahli-ahli tersebut hendaklah terdiri daripada individu yang berpengalaman, berintegriti dan telah memberi perkhidmatan yang cemerlang dalam perkhidmatan awam, badan berkanun dan swasta.
- (b) Pusat Pembangunan Integriti Korporat (CIDC), Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia adalah Urus setia.

5.2.2 Fungsi LPPIB

LPPIB hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) mentauliah dan membatalkan seseorang sebagai CeO berdasarkan kepada syarat-syarat perlantikan dan pembatalan CeO dalam Arahan ini;

- (b) menimbang apa-apa rayuan-rayuan yang dibuat oleh mana-mana orang yang berkaitan dengan program ini;
- (c) menimbang, meminda dan meluluskan sukatan latihan program;
- (d) melantik ahli-ahli JTPPIB;
- (e) menasihati JTPPIB tentang apa-apa aspek berkenaan penambahbaikan program;
- (f) menerima, meneliti dan memperakukan cadangan daripada JTPPIB ke arah kecekapan dan keberkesanan program; dan
- (g) menentukan dasar-dasar yang bertujuan mempertingkatkan kredibiliti dan keberkesanan program.

5.2.3 Kuasa Pembatalan Tauliah

LPPIB berhak untuk membatalkan pentauliahian kepada mana-mana peserta atau CeO sekiranya individu tersebut didapati telah:

- (a) disabitkan kesalahan jenayah;
- (b) dikenakan tindakan tatatertib;
- (c) gagal Tapisan Keutuhan;
- (d) terlibat dalam pelanggaran integriti;
- (e) muflis;
- (f) gagal memenuhi kehendak para 5.1.1(a) hingga 5.1.1(f) Arahan ini; dan
- (g) melakukan atau terlibat dalam apa-apa tindakan yang tidak wajar sebagai CeO.

5.3 **Jawatankuasa Tetap Program Pegawai Integriti Bertauliah (JTPPIB)**

Bagi membantu LPPIB, hendaklah ditubuhkan **Jawatankuasa Tetap Program Pegawai Integriti Bertauliah (JTPPIB)** bagi merangka dan menyelaras latihan program.

5.3.1 Struktur dan Keahlian JTPPIB

Ditetapkan bahawa:

- (a) Kaedah perlantikan, pemilihan keanggotaan dan penetapan jumlah anggota JTPPIB adalah tertakluk kepada keputusan yang ditentukan oleh LPPIB mengikut kesesuaian.
- (b) Bagi memastikan perjalanan JTPPIB ini beroperasi dengan tersusun, LPPIB boleh menentukan bentuk struktur dan kaedah pengoperasiannya sesuai dengan keperluan semasa.
- (c) Keahlian JTPPIB boleh dilantik dari kalangan pegawai-pegawai agensi awam atau swasta selaras dengan keperluan program dan perlu mematuhi mana-mana peraturan/pekeliling/garis panduan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

5.3.2 Fungsi JTPPIB

Fungsi JTPPIB adalah:

- (a) menentukan taraf dan mutu soalan;
- (b) melantik penggubal-penggubal soalan;
- (c) menetapkan dan mengesahkan soalan peperiksaan yang disediakan oleh penggubal;
- (d) mengesahkan contoh jawapan kepada soalan yang diluluskan bagi kertas peperiksaan;
- (e) melantik pemeriksa-pemeriksa;

- (f) menentukan sistem pemarkahan peperiksaan;
- (g) menyediakan laporan dan analisis bagi setiap peperiksaan kepada LPPIB; dan
- (h) melaksanakan arahan semasa LPPIB.

6. KAEDAH PELAKSANAAN LATIHAN PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH

6.1 Kandungan Program

6.1.1 Pegawai yang dilantik sebagai CeIO seperti di para 5.1.1 wajib mengikuti program latihan seperti berikut:

- (a) Kuliah;
- (b) Ujian;
- (c) Seminar/Bengkel Integriti;
- (d) Lawatan/kajian kes; dan
- (e) Kertas Kerja.

6.1.2 Walau bagaimanapun, ketetapan ini tidak menyekat LPPIB untuk membuat sebarang pindaan ke atas kandungan program bagi tujuan penambahbaikan.

6.2 Tempoh masa program

Program latihan akan dilaksanakan selama enam (6) bulan secara separuh masa.

6.3 Pensijilan dan Pentauliahan

6.3.1. Pensijilan

Program latihan ini adalah:

- (a) bertaraf sijil;

(b) hanya peserta yang menghadiri dengan jayanya Latihan Program Pegawai Integriti Bertauliah akan dianugerahkan sijil; dan

(c) sijil melayakkan pentauliahan peserta sebagai CeO.

6.3.2. Pentauliahan

Pentauliahan CeO adalah:

(a) dikeluarkan oleh CIDC secara bertulis setelah diperakukan oleh LPPIB;

(b) tempoh sah setiap pentauliahan adalah dua (2) tahun; dan

(c) berdaftar dengan CIDC.

6.3.3. Syarat Perlanjutan Pentauliahan

Mana-mana CeO yang hendak melanjutkan pentauliahan perlulah memenuhi kehendak berikut:

(a) membuat bayaran fi (kadar akan ditetapkan kemudian);

(b) menghadiri seminar yang diiktiraf oleh CIDC;

(c) menghasilkan artikel integriti;

(d) membentang kertas kerja integriti;

(e) menjadi ahli panel dalam program integriti;

(f) menyediakan Pelan Integriti jabatan/organisasi; dan

(g) terlibat dalam mana-mana program-program integriti.

6.4. **Rayuan pembatalan pentauliahan**

6.4.1 Rayuan hendaklah dikemukakan kepada LPPIB.

6.4.2 Keputusan oleh LPPIB adalah muktamad.

- 6.5. Sebarang permohonan dan pertanyaan lanjut mengenai Program ini hendaklah dikemukakan kepada:

Pengarah

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia

Persiaran Duta Off Jalan Duta

50480 KUALA LUMPUR


(U/P: Ketua Pusat Pembangunan Integriti Korporat/*Corporate Integrity Development Center (CIDC)*)

7. PENUTUP

- 7.1. Ketua-Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan CeIO dilantik dan menghadiri Latihan Program Pegawai Integriti Bertauliah dengan jayanya. Ia seiring dengan perkembangan semasa dalam usaha menghapuskan rasuah, salahguna kuasa, penyelewengan dan kelemahan pentadbiran dan sebaliknya kegagalan perlaksanaan program ini boleh menyebabkan implikasi berikut:-
- 7.1.1 Pematuhan Dasar, Undang-undang, Arahan, Peraturan dan Pekeliling yang berkaitan dengan integriti tidak diuruskan secara cekap dan berkesan.
- 7.1.2 Sesuatu pelanggaran integriti tidak dapat dibendung secara proaktif untuk mencegah kerugian (*before a fact*) berbanding dengan pengauditan (*after a fact*).
- 7.1.3 Kekangan dalam memperkemaskan sistem penyampaian perkhidmatan di sektor awam dan swasta.
- 7.1.4 Meningkatkan kos pemulihan dalam sistem penyampaian perkhidmatan.
- 7.1.5 Menjejaskan usaha memperbaiki kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah/*Corruption Perceptions Index (CPI)* yang dikeluarkan oleh *Transparency International (TI)*.

8. TARIKH KUAT KUASA

Arahan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.



**(Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak)
Perdana Menteri Malaysia**

28 Februari 2011

**Pejabat Perdana Menteri
Putrajaya.**